

07 JUN 2000

Osu-MT

PELANTIKAN 10 ANGGOTA MT UMNO ADALAH HAK PRESIDEN, KATA OSU

KOTA KINABALU, 7 Jun (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam hari ini berkata sebarang keputusan yang dibuat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pelantikan 10 anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno adalah untuk kebaikan parti dan negara.

Katanya keputusan yang bakal dibuat merupakan hak beliau sebagai presiden Umno.

"Apa juga keputusan presiden, kita di peringkat negeri kena terima keputusan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri baru-baru ini yang membayangkan akan berlaku perubahan dalam tradisi melantik Menteri Besar dan Ketua Menteri sebagai anggota MT dan ketua perhubungan Umno negeri.

Pelantikan 10 anggota MT itu ialah sebagai tambahan kepada 25 anggota yang dipilih pada perhimpunan agung Umno bulan lepas.

Pada pemilihan Umno itu, Osu tewas merebut satu daripada tiga jawatan naib presiden. Beliau memperolehi 629 undi dalam pertandingan itu.

Mengenai mesyuarat hari ini, Osu berkata kerajaan negeri akan menyegerakan pelaksanaan projek rumah kos rendah di beberapa kawasan untuk memenuhi keperluan perumahan penduduk Sabah.

Sejumlah 8,000 unit rumah kos rendah akan dibina di Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan dan Tawau.

"Para pegawai daerah di kawasan berkenaan telah dimaklumkan mengenai projek ini dan kerajaan tidak menjangkakan sebarang masalah akan timbul dalam melaksanakan projek ini," katanya.

Projek bernilai kira-kira RM200 juta itu akan dibiayai kerajaan persekutuan, kata Osu.

Rumah-rumah kos rendah itu akan hanya disewakan kerana ia merupakan penempatan sementara bagi penghuni sehingga mereka mampu membeli rumah sendiri, jelas beliau.

-- BERNAMA

HAK RON